
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

BST 304/3 - Ekologi dan Pengurusan Hidupan Liar

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Dalam pengurusan hidupan liar penting sekali bagi pengurus mengenalpastikan faktor-faktor yang mempengaruhi keupayaan membawa kawasan. Bincangkan tentang faktor-faktor berikut:

- (a) Makanan
- (b) Kawasan perlindungan

(20 markah)

2. Jelaskan peranan Jabatan/Badan Bukan Kerajaan NGO berikut dalam usaha pemuliharaan terhadap hidupan liar

- (a) Zoo
- (b) MNS (Malayan Nature Society)

(20 markah)

3. Kerajaan negeri Pulau Pinang akan menjadikan Hutan Simpan Pantai Aceh sebagai Taman Negara II. Jika anda seorang pengurus hidupan liar apakah langkah-langkah yang perlu untuk menjayakan usaha ini.

(20 markah)

4. Bincangkan tentang pengurusan hidupan liar bagi DUA spesies hidupan liar pilihan anda. Berikan contoh-contoh spesifik dalam penjelasan anda.

(20 markah)

5. Akta perlindungan hidupan liar dan Taman Negara 1972 mengandungi banyak Jadual-Jadual. Bincangkan secara ringkas tentang jadual-jadual tersebut.

(20 markah)

6. Hidupan liar mempunyai banyak nilai. Bincangkan tentang nilai-nilai berikut:

- (a) Nilai komersial.
- (b) Nilai sebagai haiwan buruan.
- (c) Nilai ekologi.

(20 markah)

